

SENTRAL

HURUNG SENTRAL NUR FAHWAH ABDUL RAHMAN - 019-6688275, NIK AMIRULZUHAIR YAHYAH - 019-9882805, NORAFIZA JAATAR - 019-6688256, HIDAYAH HABIBI - 019-6688257

GM Klang edar 1,000 pek bubur lambuk sempena Ramadan

KLANG – Sebanyak 1,000 pek bubur lambuk yang diedarkan secara percuma oleh GM Klang kepada pengunjung di ruang Atrium Blok A dan Podium Blok B, pusat pemborong terbesar di Malaysia itu kelmarin habis dalam masa 30 minit.

Pengarah Urusannya, Datuk Lim Seng Kok berkata, pengagihan bubur lambuk itu salah satu program tanggung-jawab korporat sosial (CSR) syarikatnya terhadap masyarakat setempat.

"Kita amat berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam menyajikan program ini apabila se-ramai 80 pelajar Sarjana Muda Komunikasi Antarapersonal daripada Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM, Shah Alam turut sama memasak serta mengagihkan bubur lambuk kepada pengunjung."

"Ia juga salah satu aktiviti kita dalam meraikan bulan Ramadan selain meraikan pengunjung sempena sambutan ulang tahun ke-10 GM Klang," katanya semasa program CSR Bubur Lambuk Bersama Interpersonalis UiTM, petang kelmarin.



Seng Kok (kanan) dan Adi Faizal turut mengagihkan bubur lambuk yang diagihkan kepada pengunjung GM Klang.

Turut hadir, Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (MPK), Adi Faizal Ahmad Tarmizi dan Pengarah Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz.

Beliau berkata, pihak pengurusan dan kakitangan GM Klang amat terharu dengan sambutan orang ramai yang datang dan sanggup beratur untuk mengambil bubur lambuk yang diedarkan.

"Ini cara untuk menyatakan rasa terima kasih kami terhadap orang ramai yang sentiasa memberi sokongan kepada pusat pemborong ini," katanya.

Dalam pada itu, Seng Kok ber-

kata, selain pengagihan bubur lambuk, turut diadakan kempen kesihatan 3F: Fun, Fasting and Fit yang dikendalikan oleh pelajar terabit.

Katanya, program ini mendidik dan memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai gaya hidup sihat serta penjagaan makanan terutama pada bulan Ramadan.

"Program ini hasil hubungan baik pihak UiTM Shah Alam dan GM Klang bagi merapatkan jalinan perhubungan antara pelajar dengan organisasi korporat serta orang awam," katanya.



Seng Kok (kanan) dan Adi Faizal membantu mengagihkan bubur lambuk kepada pengunjung GM Klang petang kelmarin.



Pelajar Sarjana Muda Komunikasi Antarapersonal daripada Fakulti Kemunikasi dan Pengajian Media UiTM, Shah Alam membantu meletakkan bubur lambuk ke dalam bekas sebelum diagihkan kepada pengunjung.

Status ditentukan selepas Mei

Kementerian sedang nilai keberkesanan pemindahan Bazar Jalan Raja

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kementerian Wilayah akan menunggu sehingga akhir bulan ini sebelum membuat sebarang keputusan berhubung status peniaga bazar di Jalan Raja selepas ini.

Menterinya, Khalid Abdul Samad berkata, langkah itu adalah bagi membolehkan pihaknya membuat penilaian terlebih dahulu untuk melihat sejauh mana keberkesaan-



Khalid (dua dari kiri) bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Tiga, Rodziah Ismail ketika program Jom Shopping di Giant Kemuning Utama semalam.

pelaksanaan program pemindahan tersebut.

Beliau berkata, program pemindahan peniaga di bazar Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR) ke Jalan Raja merupakan satu usaha

baik dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) demi kebaikan semua pihak.

"Kita akan tunggu hingga hujung bulan ini barulah keputusan dibuat sama ada

ia mencapai apa yang kita inginkan. Kalau berjaya kita akan teruskan penganjuran di sana," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas program

Jom Shopping di Giant Kemuning Utama di sini semalam.

Bermula tahun ini, peniaga di tapak Bazar Jalan TAR dipindahkan ke Jalan Raja iaitu berhadapan Bangunan Sultan Abdul Samad di ibu negara.

Bagaimanapun, beberapa isu timbul selepas pemindahan tersebut sehingga menimbulkan kegusaran peniaga tempatan di bazar terlibat.

Terbaru, beberapa lot tapak niaga di Bazar Ramadhan Jalan Raja menghadapi masalah air bertakung sehingga menjadikan aktiviti perniagaan.

Mengulas lanjut Khalid yang juga Ahli Parlimen Shah Alam berkata, DBKL telah mengambil tindakan untuk membersihkan sistem saliran tersumbat di bazar terbabit.

info

Isu saliran tersumbat dan ruang jualan panas di Bazar Jalan Raja sudah diatasi

"Malah sejak semalam (kelmarin), isu ruang jualan panas di bazar Jalan Raja sudah teratasi.

Beliau menjangkakan jumlah pengunjung akan semakin bertambah pada dua minggu terakhir menjelang perayaan Aidilfitri nanti.

"Sejak semalam (kelmarin) memang ramai orang mengunjungi bazar tersebut dan selepas dapat gaji atau bonus nanti mungkin lebih ramai," katanya.